

“Walaupun keadaan jerebu pada tahap sederhana di negeri ini, orang ramai diminta menjaga kesihatan masing-masing dengan mengurangkan aktiviti luar terutama pelajar sekolah.

“Kita akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa termasuk mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang melakukan pembakaran terbuka serta pelepasan asap industri kerana ia akan meningkatkan tahap jerebu di negeri ini.

“Orang ramai juga diminta saling bekerjasama supaya tidak melakukan pembakaran sampah selain mengawal pelepasan asap kenderaan,” katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga dinasihatkan memantau kawasan pengumpulan sampah supaya tiada pembakaran dilakukan.